

30/11/1999

Barisan Nasional bentuk kerajaan di Kedah

ALOR STAR, Isnin - Barisan Nasional (BN) berjaya membentuk kerajaan negeri di Kedah apabila memenangi 24 daripada 36 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), pada pilihan raya ke-10 ini.

Kemenangan itu membolehkan BN mencapai kemenangan genap dua pertiga selepas Pas hanya menang 12 daripada 32 kerusi yang ditandingi. DAP yang bertanding di empat DUN, tewas di semua kawasan.

Kawasan yang dimenangi oleh BN ialah Bakar Arang, Gurun, Bukit Selambau, Lunas, Derga, Kota Darul Aman, Kuah, Padang Mat Sirat, Tunjang, Jitra, Alor Merah, Sungai Tiang, Guar Cempedak, Pantai Merdeka, Sidam, Bayu, Kuala Ketil, Merbau Pulas, Kulim, Bandar Baharu, Tanjung Dawai, Tanjung Seri, Kubang Rotan dan Kota Siputeh dan Bandar Baharu.

Pas pula menang di Kuala Nerang, Langgar, Bukit Lada, Kupang, Sala, Anak Bukit, Bukit Raya, Pedu, Belantek, Jeneri, Pengkalan Kundor dan Ayer Hitam.

Bagaimanapun, bagi kawasan Parlimen, parti Pas menang di lapan kerusi berbanding tujuh yang dimenangi oleh BN.

Kawasan yang dimenangi BN ialah Kubang Pasu, Alor Star, Sungai Petani, Padang Serai, Kulim-Bandar Baharu, Merbok dan Langkawi.

Pas pula menang di Padang Terap, Pokok Sena, Kuala Kedah, Baling, Sik, Pendang, Jerlun dan Yan. Keadilan yang bertanding di empat kerusi tewas di semua kawasan.

Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid yang bertanding di DUN Kuah menewaskan calon Pas, Che Din Arshad dengan majoriti 3,280 undi. Sanusi memperolehi 5,630 undi manakala lawannya 2,350 undi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pula menang menewaskan Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Ahmad Subky Abd Latif dengan majoriti 10,138 undi.

Beliau memperolehi 22,399 berbanding Ahmad Subky 12,261.

Bagaimanapun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, tewas kepada Prof Datuk Shahnun Ahmad di Sik.

Sementara itu, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor menang DUN Anak Bukit dan Parlimen Pendang.

Ketua Pemuda Pas Pusat, Mahfuz Omar dan Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Mohamad Sabu pula masing-masing menang di parlimen Pokok Sena dan Kuala Kedah.

Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa menewaskan Datuk Badruddin Amiruldin di Parlimen Yan. Bekas Imam Besar Masjid Negara, Taib Azzamudden Md Taib yang bertanding atas tiket Pas, menang di Baling.

(END)